

KADAR MAMPU DERMA MAHASISWA DALAM PENETAPAN LIMITASI KESANGGUPAN BERKHAIRAT

PM Dr. Nur Azuki Yusuff
nurazuki@umk.edu.my

Abstrak

Pembudayaan hidup berkhairat adalah tuntutan hidup beragama. Justeru, penulis mengambil inisiatif untuk mengetahui dua ketetapan iaitu: sejauhmana tahap kesanggupan mahasiswa berkhairat dan pada kadar berapakah tahap kemampuan mereka berderma. Penulis mengambil pendekatan lapangan melakukan kerja amal kutipan derma kategori wakaf masjid dan surau secara sah dengan kebenaran pihak berkuasa. Sebelum itu, penulis telah membuat pengamatan mengajukan soalan umum kepada mahasiswa terlibat di Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok. Dapatan awal secara positifnya majoriti mahasiswa mengakui pernah berderma (95%) dan sanggup berderma (100%). Dapatan selanjutnya menunjukkan tahap kesanggupan berkhairat adalah tinggi (lebih 90%) walaupun dimaklumi terdapat kekangan kewangan sebahagian mereka. Kadar mampu derma mahasiswa ialah sekitar RM2.30 hingga RM3.00. Semua pihak perlu menghargai pengorbanan sanggup derma mereka dan jangan menetapkan kadar tinggi sekiranya melakukan sebarang tuntutan khairat.

Kata kunci: Derma, mahasiswa, kesanggupan berkhairat

Pengenalan

Berkhairat adalah tuntutan insani melestarikan sistem sosioekonomi. Antara bentuk khairat ialah pembudayaan kempen berderma yang memang suatu lumrah dalam kehidupan seharian, tambahan lagi apabila negara dan dunia kini sedang mendepani isu pandemik yang menyebabkan kelangsungan hidup masyarakat kian meruncing. Terdapat sebilangan masyarakat yang memiliki tuntutan hidup, samada untuk diri mahupun institusi. Perlu difahami bahawa sebahagian besar tuntutan ini bersifat kepentingan secara individu. Institusi dan badan pemohon derma biasa memiliki rasional yang tinggi terhadap tuntutan mereka. Contohnya ia bersifat wakaf, bantuan kemanusiaan, derma kilat bencana dan musibah serta sedekah kepada golongan memerlukan secara kritikal dan mudarat.

Kesanggupan Berkhairat Cerminan Mahasiswa Gemilang

Dalam membicarakan kertas ini, penulis mengfokuskan kepada peningkatan sahsiah mahasiswa. Mahasiswa gemilang apabila dilihat suka berkhairat. Ini kerana, merujuk kepada diri mereka yang:

1. Memiliki nilai kasih sayang dan kerelaan membantu dalam kadar kemampuan sendiri. Firman Allah SWT yang merujuk kepada konsep sedekah dan zakat dalam kitab suci Nya:

وَأَتَى الْمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ

Terjemahannya:

dan memberikan harta ke atas individu yang dicintainya; kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan), dan orang-orang yang meminta-minta, dan hamba-hamba sahaya. (Al-Baqarah: 177)

2. Memiliki sifat murni dan penyucian jiwa dengan sanggup membantu setiap anggota masyarakat tanpa mengira status sosial dan taraf hidup. Tidak bersifat rasa dendam dan iri hati terhadap golongan yang berkeperluan, jauh sekali rasa sombong dan tamak. Allah SWT telah berfirman:

حُدِّ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةٌ تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا

Maksudnya:

"Ambillah sedekah (zakat) daripada harta mereka untuk membersihkan dan menyucikan mereka. (Surah al-Taubah: 103)

3. Memiliki hakikat sebenar kekayaan seperti dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah:

ليس الغنى عن كثرة العرض، ولكن الغنى غنى النفس

Maksudnya:

"*Bukanlah kaya itu dengan sebab banyaknya harta benda, tetapi kaya itu ialah kaya jiwa*". (Riwayat al-Bukhari).

Kekayaan jiwa ialah *keredhaan seseorang atas keputusan Allah dan menerima (redha) terhadap ketetapan Allah, ia mengetahui bahawasanya apa yang ada di sisi Allah tidak akan habis*. Individu yang mempunyai jiwa kaya ini dipenuhi dengan iman dan taqwa. Beriman dengan qada' dan qadar dengan menyakini bahawa Allah mencipta setiap sesuatu, mentadbir dan memilikinya. Allah jugalah yang menentukan ajal, rezeki dan kerja, kaya atau miskin, sihat atau sakit. Ibnu 'Aini (2001)

4. Menyemarakkan lagi semangat Cinta Negara dan Perpaduan masyarakat berbilang kaum. Mahasiswa gemilang memiliki nilai kesejagatan yang tinggi, semangat cinta negara dan perpaduan memang tertanam dalam diri mereka. Justeru, tidak hairanlah negara Malaysia boleh bertahan aman dan makmur kerana sebahagian besar rakyat hidup secara harmoni dan bersatu hati. (Nur Azuki dkk, 2009 dan 2016)

Metodologi Kajian; Kaedah Pengumpulan dan Analisa Data

Bagi menampakkan fokus, penulis telah mengambil inisiatif untuk mengetahui dua ketetapan atau objektif kajian, iaitu:

1. Sejauhmana tahap kesanggupan mahasiswa berkhairat
2. Kadar berapakah tahap kemampuan mahasiswa berderma.

Pada peringkat awalnya, penulis telah membuat pengamatan mengajukan soalan umum kepada mahasiswa terlibat di Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok. Kemudiannya, penulis mengambil pendekatan lapangan melakukan kerja amal kutipan derma kategori wakaf masjid dan surau secara sah dengan kebenaran pihak berkuasa.

Kajian ini dilakukan penghujung tahun 2019 iaitu sebelum berlakunya penularan pandemik Covid19 dan mahasiswa masih berada dalam kampus. Dapatannya masih boleh disahkan dan dipercayai memandangkan responden kajian masih warga kampus UMK dan dapatan ini belum diketengahkan lagi. Pada kutipan data awal, penulis telah mengemukakan soalan wawancara terbuka kepada mahasiswa sekitar bulan Mei tahun ini. Seramai lebih 200 orang mahasiswa ditanya akan kesanggupan dan pengalaman berderma mereka. Walaupun majoriti mereka adalah melayu muslim, namun secara populasinya kesemua mereka terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Kutipan data seterusnya melalui pendekatan lapangan dengan melakukan kerja amal kutipan derma kategori wakaf dua masjid secara sah dengan kebenaran pihak berkuasa. Mahasiswa terlibat adalah pelajar Universiti Malaysia Kelantan Kampus Bachok. Berikut adalah implikasi perundangan di sebalik mengadakan kutipan daripada mahasiswa:

1. Kelulusan memungut sumbangan dan Derma bagi pembinaan surau al-Munawarrah Sekolah Kebangsaan Jelawat 2 oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPKn/SPS/UPP.100-10/4/5 Jld.5(30 bertarikh 30 Mei 2019).
2. Kelulusan tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) dan peraturan berkaitan; dasar pungutan derma SPI bil.1/82, bil.3/97, bil7/83 dan akta 200 pungutan rumah ke rumah dan di jalan 1947(semakan 1978) bahawa tidak berlaku paksaan atau wajib derma untuk menaik taraf surau ini.
3. Surat kebenaran ditandatangani oleh penolong pendaftar institusi pendidikan dan guru JPNK.
4. Jualan lot lantai masjid/sijil waqaf bagi masjid mukim Kuala Melawi, Bachok Kelantan adalah di bawah kelulusan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan. Sijil wakaf disahkan dan ditandatangani oleh pengerusi masjid mukim selaku imam tua Mohd Ridzuan Jusoh dan setiausaha jawatankuasa masjid mukim tersebut. Walaupun nilai jualan lot ialah RM20 bagi satu sijil, penulis tidak menetapkan angka tersebut, bahkan mereka boleh menderma walaupun pada kadar RM0.10.
5. Penulis menegaskan bahawa tiada sebarang implikasi pemarkahan dan perlanggaran

undang-undang kerana kutipan berlaku tidak mengganggu pengkuliah dan tiada bentuk tekanan dikenakan. Pemakluman dilakukan diawal pengkuliah dan kutipan berlaku setelah tamat sesi kuliah dengan pengumpulan/pengiraan di luar bilik kuliah.

6. Resit kutipan dan sijil wakaf disediakan, sebahagian mereka mengambil manakala sebahagian lagi hanya membuat catatan. Bukti catatan dan kaki sijil beserta wang kutipan dikembalikan kepada pihak berkenaan. Pengkaji tidak menerima sebarang komisen atau kepentingan lain daripada usaha ini. Cuma data kajian adalah inisiatif tambahan penulis.

Penganalisaan data dilakukan secara diskriptif dan disokong oleh beberapa data sampingan hasil pengamatan langsung penulis.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Pada peringkat awal, hanya dua soalan diajukan kepada semua pelajar yang bersama penulis dalam sesi pengkuliah. Soalannya ialah adakah anda berkesanggupan menderma dan soalan seterusnya sebagai pengukuhan ialah adakah anda pernah berderma. Berikut adalah dapatannya:

Item Soalan	Ya	Tidak
1. Adakah anda berkesanggupan menderma?	100%	
2. Adakah anda pernah berderma?	95%	5%

Jadual 1: Respon mahasiswa berkaitan menderma

Bagi soalan pertama, daripada lebih kurang 200 pelajar, kesemua mereka berkesanggupan menderma. Namun apabila ditanya pengalaman berderma, lebih kurang 95% dalam kalangan mereka menyatakan pernah. Sebilangan kecil (5%) mengambil sikap tidak mengakui pernah berderma.

Pada peringkat seterusnya. Secara lapangan, penulis telah melakukan 3 sesi kutipan derma. Sila rujuk jadual berikut:


Sesi kutipan	Jumlah(RM)	Bilangan pelajar	% Penderma
1.	99	32	94%
2.	212	76	90%
3.	224.45	94	80%
Jumlah	535.45	202	88% (178)

Jadual 2: Dapatan derma dan peratusan penderma

Kutipan pertama daripada 32 mahasiswa, sebahagian besar menderma. Jumlah kutipan awal berjumlah RM99. Sesi ini berlaku sebelum pesta konvokesyen berlansung iaitu pada 15 Oktober 2019.

Kutipan kedua daripada 76 mahasiswa, 90% menderma dengan kutipan berjumlah RM212. Manakala pada kutipan ketiga melibatkan 94 mahasiswa, lebih kurang 80% menderma dengan jumlah kutipan terkumpul berjumlah RM224.45. Kutipan kedua dan ketiga berlansung semasa pesta konvokesyen berlansung iaitu pada 22 oktober 2019.

Pengiraan kadar mampu khairat adalah mengambilkira purata jumlah keseluruhan duit khairat dibahagikan kepada jumlah keseluruhan pelajar: $RM535.45/202=RM2.65$. Kadar nilai maksima perantara yang diguna mengambilkira bilangan penderma (178) iaitu: $RM535.45/178=RM3.00$. Manakala kadar minima ialah **RM2.30**. Pengiraannya adalah diambil daripada jarak nilai rendah yang menjadi pengimbang antara nilai purata (RM2.65) dan nilai maksima (RM3.00). Lihat rajah di bawah:



Rajah 1: Kedudukan nilai khairat (RM) antara kadar minima, purata dan maksima

Perbincangan

Berdasarkan dapatan pada peringkat awal, hanya dua soalan diajukan kepada semua pelajar yang bersama penulis dalam sesi pengkuliah. Soalannya ialah adakah anda berkesanggupan menderma dan soalan seterusnya sebagai pengukuhan ialah adakah anda pernah berderma. Bagi soalan pertama, daripada lebih kurang 200 pelajar, kesemua mereka berkesanggupan menderma. Namun apabila ditanya pengalaman berderma, lebih kurang 95% dalam kalangan

mereka menyatakan pernah. Sebilangan kecil (5%) mengambil sikap tidak mengakui pernah berderma.

Pada peringkat seterusnya. Secara lapangan, penulis telah melakukan 3 sesi kutipan derma. Kutipan pertama daripada 32 mahasiswa, kesemuanya menderma. Jumlah kutipan awal berjumlah RM99. Sesi ini berlaku sebelum pesta konvokesyen berlangsung iaitu pada 15 Oktober 2019.

Kutipan kedua daripada 76 mahasiswa, 90% menderma dengan kutipan berjumlah RM212. Manakala pada kutipan ketiga melibatkan 94 mahasiswa, lebih kurang 80% menderma dengan jumlah kutipan terkumpul berjumlah RM224.45. Kutipan kedua dan ketiga berlangsung semasa pesta konvokesyen berlangsung iaitu pada 22 oktober 2019. Kekurangan kadar kutipan ketiga dimaklumi atas kurang mampu mereka berderma disebabkan dua faktor utama iaitu kadar perbelanjaan tinggi sepanjang pesta berlangsung dan duit berbaki disimpan sebagai dana simpanan akhir sebelum mereka pulang bercuti pertengahan semester untuk perbelanjaan logistik (tambang kenderaan, bekalan sepanjang perjalanan dan kontijensi).

Betapa pemurahnya pelajar UMK kampus Bachok. Sebahagian mereka ada berdiskusi dengan penulis dan saling menyokong kebenaran di sebalik firman Allah SWT:

إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدَرٍ

Maksudnya :

"Sesungguhnya Kami menciptakan setiap sesuatu menurut Qadar (yang telah ditentukan)" (al-Qamar : 49)

Mahasiswa walaupun hanya memiliki kemampuan terhad, tetapi percaya ketentuan Qadha' dan Qadar Tuhan. Kemampuan terhad tidak menghalang mereka berkhairat. Mereka mengetahui bahawa mereka tidak mungkin terlepas daripada perkara yang ditetapkan untuk menyimpannya dan perkara yang tidak ditetapkan ke atasnya tidak akan menyimpannya. Firman Allah SWT:

قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

Maksud:

"Katakanlah (wahai Muhammad); Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dia lah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal." (al-Taubah : 51)

Penutup

Semua pihak perlu menghargai pengorbanan sanggup derma para mahasiswa IPT dan jangan menetapkan kadar tinggi sekiranya melakukan sebarang tuntutan khairat. Semoga keyakinan dan nilai sebegini dapat disuburkan dalam diri setiap insan.

Penghargaan

Perhargaan setingginya kepada mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan yang terlibat sebagai penderma dan responden serta Universiti Malaysia Kelantan sebagai institusi lapangan kajian. Begitu juga pihak berinisiatif iaitu Sekolah Kebangsaan Jelawat 2 dan Masjid mukim Kuala Melawi, Bachok, Kelantan serta pihak yang meluluskan kutipan iaitu Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan.

Rujukan

- Al-Aini, Badru Al-Din Abu Muhammad Bin Ahmad. 2001. *Umdah Al-Qari' Syarh Shahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Noorhisham Md. Nawi dan Nur Azuki (2021) *Kemiskinan Jiwa dan Pembangunan Asnaf*, Penerbit UMK
- Nur Azuki Yusuff, Tan Hong Cheng, Kevin Fernandez, Yohan Kurniawan (2016) *Perpaduan berpaksikan titik kesamaan fungsi pelbagai agama dengan mengambilkira islam sebagai agama rasmi di Malaysia*. In: Persidangan Pemantapan CITRA Kenegaraan 4 (COSNA4) 'Mencorak Masa Hadapan': Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

E-PROSIDING

ABSTRAK & SISIPAN UCAPTAMA

SEMINAR KEBANGSAAN

MENELUSURI ISU
KOTEMPORARI
DALAM PENDIDIKAN
DAN
KESEJAHERAAN
INSAN
(SKIK21)

MAJLIS DAKWAH NEGARA (MDN) KELANTAN



Dengan

Kerjasama:



Universiti Malaysia
KELANTAN



STUDIO
USTP
PPU KOTA BHARU

Penyelenggara:

Prof. Madya Dr. Nur Azuki Yusuff
Bersama JK Prosiding dan Abstrak

Hak Cipta FPBPI, UMK 2021

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dengan sebarang bentuk ayat dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, UMK.

E-Prosiding Abstrak & Sisipan Ucaptama Seminar Kebangsaan Menelusuri Isu Kontemporari dalam Pendidikan dan Kesejahteraan Insan (SKIK21)

eISBN:

Diterbitkan oleh:
Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok, Kelantan

e ISBN 978-967-2912-79-8

